

16 NOV 2001

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA PRESIDEN EQUATORIAL GUINEA

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Equatorial Guinea, Obiang Nguema Mbasogo, yang menamatkan lawatan dua hari ke Malaysia, hari ini.

Mbasogo dan 30 anggota delegasi negara itu akan berlepas ke Sibu, Sarawak malam ini untuk lawatan peribadi selama dua hari.

Antara agenda penting lawatannya ke Malaysia ialah menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik, teknikal dan budaya, perbincangan dengan pemimpin kedua-dua negara dengan tumpuan kepada isu-isu kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa.

Negara bekas jajahan Sepanyol itu juga meminta kepakaran teknikal Malaysia untuk membangunkan sektor pertanian dan industri utama dan Malaysia bersedia memberi bantuan yang bersesuaian bagi menyegerakan proses pembangunan di republik itu.

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Equatorial Guinea pada masa ini memihak kepada Malaysia iaitu berjumlah RM2.23 juta tahun lepas.

Pada masa ini, syarikat Malaysia menjalankan penerokaan gas dan minyak, aktiviti pembalakan dan pembinaan jalan di Equatorial Guinea.

-- BERNAMA

AT HS LAT